

3766/1  
Perniagaan  
Kertas 1  
Ogos  
2021  
1 ¼ jam



**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM  
TAHUN 2021  
ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA(KEDAH)**

---

---

**SET 2**

**PERNIAGAAN SPM**

**Kertas 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
  2. Jawab *semua* soalan.
  3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
  4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
  5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
- 

Modul ini mengandungi 19 halaman bercetak.

- 1 Pasangan manakah benar berkaitan dengan Organisasi Bermotifkan Untung (OBU) dan Organisasi Bukan Bermotifkan Untung ( OBBU )?

	Organisasi Bermotifkan Untung	Organisasi Bukan Bermotifkan Untung
A	Menjual pada harga bawah kos	Menyediakan barangan kehendak pengguna
B	Menjual pada harga bawah kos	Menyediakan keperluan secara percuma
C	Menjual pada harga di atas kos	Menyediakan keperluan secara percuma
D	Menjual pada harga di atas kos	Menyediakan barangan kehendak pengguna

- 2 Antara berikut, manakah ciri perniagaan milikan tunggal?

- I Tertakluk kepada Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
  - II Keputusan dibuat oleh pemilik sendiri
  - III Perniagaan berterusan
  - IV Liabiliti terhad
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 3 Pernyataan manakah menerangkan bentuk pemilikan koperasi?

- A Anggota terlibat dengan liabiliti tidak terhad
- B Anggota mempunyai hak dalam membuat keputusan
- C Perniagaan dikenakan kadar cukai yang tinggi
- D Perniagaan bebas memindah milik syer kepada syarikat lain

4 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan

- Perkongsian strategik antara dua atau lebih firma
- Satu entiti perniagaan baharu dibentuk
- Semua pihak bertanggungjawab mengawal perniagaan baharu

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A Perkongsian
  - B Francais
  - C Koperasi
  - D Usaha sama
- 5 Aktiviti manakah yang menerangkan sektor sekunder?
- A Johan mengusahakan penternakan ayam kampung secara komersial
  - B Ramasamy bekerja sebagai pemandu pelancong
  - C Ishak mengusahakan kilang membuat perabot
  - D Maryam bekerja sebagai akauntan di kilang kasut

[Lihat sebelah  
SULIT

6 Pernyataan manakah menerangkan klasifikasi perniagaan pengilangan bersaiz kecil?

I Jualan tahunan RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta

II Jualan tahunan RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta

III Bilangan pekerja tetap 5 hingga kurang daripada 30 orang

IV Bilangan pekerja tetap 5 hingga kurang daripada 75 orang

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

7 Gambar 1 menunjukkan logo beberapa syarikat perniagaan di Malaysia.



*AirAsia*



Gambar 1

Apakah skala perniagaan tersebut?

A Skala Zon

B Skala Negeri

C Skala Global

D Skala Tempatan

8 Maklumat berikut berkaitan dengan pelepasan cukai

Syarikat Al-Amin mengeluarkan komponen komputer menggunakan bahan mentah dalam negara.

Apakah bentuk pelepasan cukai tersebut?

- A Taraf perintis
- B Potongan cukai
- C Pengecualian cukai
- D Elaun cukai pelaburan

9 Gambar 2 di bawah merupakan sebuah agensi kerajaan.



Gambar 2

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Mempromosikan aktiviti perniagaan di Malaysia
- B Menyediakan latihan dan pembangunan usahawan
- C Menyediakan sumber kewangan kepada usahawan
- D Memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan

[Lihat sebelah  
SULIT

10 Pernyataan manakah berkaitan dengan pengangguran kitaran?

- A Berlaku semasa keadaan ekonomi meleset
- B Berlaku disebabkan perubahan dalam industri
- C Berlaku apabila kemahiran pekerja tidak diperlukan
- D Berlaku apabila pekerja bekerja dalam jangka masa pendek

11 Maklumat di bawah menunjukkan peranan Bank Negara Malaysia.

- Meningkatkan perbelanjaan pembangunan kerajaan
- Mengurangkan kadar faedah agar pengguna meningkatkan perbelanjaan

Mengapakah Bank Negara Malaysia bertindak sedemikian?

- A Mengatasi masalah deflasi
- B Mengurangkan keadaan inflasi
- C Meningkatkan kadar simpanan
- D Mengurangkan pendapatan boleh guna

12 Situasi manakah yang berkaitan dengan gaya pengurusan sederhana?

- A Encik Ali tidak menerima sebarang pendapat pekerjaanya
- B Encik Mohan sentiasa memberi motivasi kepada pekerjaanya
- C Encik Dollah memberi kebebasan penuh kepada pekerjaanya
- D Encik Lee sentiasa bertoleransi dengan pekerjaanya

13 Apakah kelebihan mengambil pekerja dari luar organisasi?

- A Proses penyesuaian diri cepat berlaku
- B Menjimatkan kos merekrut
- C Pekerja lebih bermotivasi
- D Perkongsian idea baharu

14 Manakah yang menerangkan objektif perniagaan dengan tepat?

- A Menjadi satu ketetapan dalam melakukan aktiviti perniagaan
- B Merupakan pembentukan maklumat yang lebih khusus
- C Menjadi garis panduan dalam pengurusan organisasi
- D Mengariskan sebab kewujudan sesebuah organisasi

15 Pernyataan di bawah merujuk kepada objektif sebuah syarikat

Syarikat Motoo Sdn Bhd akan mengeluarkan 40,000 unit motosikal pada tahun ini.
--

Apakah ciri objektif tersebut?

- A Boleh diukur
- B Munasabah
- C Jangkamasa
- D Boleh dicapai

[Lihat sebelah  
SULIT

16 Maklumat berikut berkaitan analisis dalaman dan luaran sebuah perniagaan.

Syarikat AAC membeli bahan mentah secara pukal dengan kos yang rendah supaya dapat menjual produk dengan harga yang paling murah di pasaran dengan persaingan sengit

Apakah analisis SWOT yang terlibat ?

- A Kekuatan (S) dan Peluang (O)
- B Kekuatan (S) dan Ancaman (T)
- C Kelemahan (W) dan Peluang (O)
- D Kelemahan (W) dan Ancaman (T)

17 Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat.

Syarikat BBC dapat mengembangkan perniagaannya ke pasaran antarabangsa dengan adanya teknologi maklumat

Bagaimanakah teknologi maklumat dapat membantu syarikat tersebut?

- A Menggalakkan persaingan perniagaan
- B Menghasilkan produk mengikut standard
- C Mengedarkan risalah secara besar-besaran
- D Mempromosi barang melalui laman sesawang

**18** Antara yang berikut, manakah yang berkaitan peranan pengurus kewangan mengawal kewangan perniagaan?

- I Mengagihkan sumber kewangan mengikut masa dan jenis perbelanjaan
  - II Menentukan objektif kewangan yang hendak dicapai oleh organisasi
  - III Memastikan perbelanjaan berdasarkan bajet yang telah diluluskan
  - IV Mengelak daripada berlakunya penipuan dan penyelewengan kewangan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

[Lihat sebelah  
**SULIT**

19 Maklumat berikut berkaitan satu bahagian fungsian bagi Auto Enterprise Sdn. Bhd.




Jika berminat, sila hubungi Encik Amir jurujual di talian 0196884589.

Apakah peranan bahagian fungsian ini kepada pelanggan?

- A Mengubahsuai produk
- B Menawarkan harga yang berpatutan
- C Memastikan barang disimpan dengan baik
- D Memberikan nasihat dan menyampaikan maklumat

20 Rajah 1 di bawah menunjukkan proses pengeluaran sesuatu produk.



Rajah 1

Apakah X?

- A Teknologi
- B Usahawan
- C Bangunan
- D Wang tunai

21 Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan sumber manusia.

Amalan kerja berintegriti dapat melonjakkan kecemerlangan sesebuah perniagaan

Bagaimanakah amalan tersebut membantu organisasi?

- A Meningkatkan jualan organisasi
- B Pekerja menjalankan tugas dengan cekap
- C Menggalakkan kreativiti dan inovasi
- D Meningkatkan imej organisasi

[Lihat sebelah  
SULIT


22 Situasi di bawah berkaitan dengan kemahiran keboleherjaan.

Hotel Shri-La mencari pekerja yang mempunyai sijil kulinari untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pembantu chef .

Apakah kemahiran keboleherjaan yang bersesuaian?

- A Berpengalaman
- B Kelayakan yang bersesuaian
- C Pengalaman dalam industri tertentu
- D Keberkesanan mencapai sasaran pasukan

23 Rajah 2 menunjukkan sejenis struktur organisasi.



Rajah 2

Apakah jenis struktur organisasi di atas?

- A Struktur organisasi berasaskan produk
- B Struktur organisasi berasaskan fungsi
- C Struktur organisasi berasaskan pelanggan
- D Struktur organisasi berasaskan geografi

24 Gambar 3 berkaitan dengan jenis sumber teknologi




Gambar 3

Apakah jenis sumber tersebut?

- A Paten
- B Lesen perisian
- C Harta intelek
- D Kemahiran dan pengalaman

[Lihat sebelah  
SULIT

25 Gambar 4 berkaitan dengan sumber fizikal sebuah perniagaan.



Gambar 4

Apakah prosedur mengurus sumber tersebut?

- I Perlindungan insurans
  - II Penyelenggaraan secara terancang
  - III Penambahbaikan sistem pengurusan
  - IV Penyediaan kemudahan operasi yang lengkap
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

26 Perbualan berikut berkaitan dengan satu sumber pembiayaan luaran

Ah Meng: Syarikat saya baru dapat kontrak membina jalanraya. Saya perlu memohon pembiayaan untuk membeli beberapa buah jentolak.

Norman : Apa kata awak cuba memohon pembiayaan pajakan. Lagi pun awak hanya perlukan jentolak untuk sementara sahaja bagi menyiapkan projek pembinaan jalanraya.

Apakah kelebihan pembiayaan tersebut kepada Ah Meng?

- A Dapat mengelak daripada risiko keusangan aset
- B Boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman
- C Dapat memiliki aset selepas tamat tempoh pajakan
- D Boleh mendapatkan pembiayaan modal kerja

- 27 Maklumat berikut berkaitan Skim pembiayaan yang disediakan oleh sebuah agensi kerajaan.

Dana GO Dana SMART
-----------------------

Apakah agensi tersebut?

- A MOSTI
  - B CGC
  - C MARA
  - D AGROBANK
- 28 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Aman bagi tahun 2020.

Peratusan Margin Untung Bersih	54%
Jualan Bersih	RM 570,000

Berapakah nilai untung bersih ?

- A RM 10,555
- B RM 307,800
- C RM 105,550
- D RM 30,780

[Lihat sebelah  
SULIT

29 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Syarikat Ali Baba

	<b>RM</b>
Kos jualan	53 603
Stok 1 Ogos 2019	11 260
Stok 31 Julai 2020	12 610

Berapakah kadar pusing ganti stok?

- A 2.25 kali
  - B 4.25 kali
  - C 4.49 kali
  - D 4.76 kali
- 30 Situasi manakah menunjukkan usahawan yang mempunyai ciri inovatif?
- A Mok Cun mencari pasaran baharu di Negara China
  - B Encik Azim tabah menghadapi risiko perniagaan
  - C Puan Prema menambah perisa kek keluarannya
  - D Cik Syikin mengeluarkan produk mengikut keperluan pelanggan
- 31 Bagaimanakah kerjaya dalam bidang perniagaan memberi faedah kepada matlamat peribadi?
- A Penggunaan peralatan dan teknologi terkini
  - B Penghasilan pelbagai produk berkualiti
  - C Pelaksanaan tanggungjawab sosial
  - D Pengurusan masa lebih fleksibel
- 32 Apakah yang dimaksudkan dengan stok bergerak perlahan ?
- A Stok lama yang tidak terjual
  - B Stok yang lambat diterima daripada pembekal
  - C Stok yang mengambil masa lama untuk dijual
  - D Stok yang dijual tetapi bayarannya belum diterima

33 Pernyataan berikut berkaitan dengan campuran pemasaran

Molek Enterprise mengambil keputusan untuk mengubahsuai warna dan corak pembungkusan agar kelihatan lebih menarik bagi meningkatkan jualan.

Apakah elemen yang terlibat?

- A Harga
- B Promosi
- C Agihan
- D Produk

34 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Remy.

Titik pulang modal	500 unit
Kos tetap	RM1000
Kos berubah	RM 3 seunit

Berapakah harga jualan seunit?

- A RM 6.00
- B RM 5.00
- C RM 3.50
- D RM 1.50

[Lihat sebelah  
SULIT

35 Manakah merupakan dokumen rekod jualan?

- A Baucar pembayaran
- B Penyata bank
- C Bil tunai
- D Memo

36 Rajah 3 menunjukkan kaedah promosi.



Rajah 3

Pernyataan manakah menerangkan X ?

- A Insentif yang diberikan kepada pelanggan untuk meningkatkan jualan
- B Aktiviti memberitahu dan memujuk pengguna untuk membeli
- C Interaksi bersemuka antara penjual dengan bakal pembeli
- D Penyampaian maklumat melalui media massa

37 Apakah faedah yang diperoleh usahawan apabila mendaftarkan perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia?

- A Mendapat entiti yang sah di sisi undang-undang
- B Dikecualikan daripada bayaran cukai
- C Memperoleh untung yang lumayan
- D Perniagaan menjadi lebih terkenal

- 38 Apakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga?
- A Menjamin kelulusan pinjaman
  - B Mengelakkan risiko yang timbul
  - C Merancang keperluan sumber perniagaan
  - D Membuat pelaburan untuk sesebuah perniagaan
- 39 Mengapakah rancangan operasi penting dalam sesuatu rancangan perniagaan?
- A Menunjukkan pengagihan sumber tenaga kerja
  - B Memberikan gambaran aktiviti pengeluaran produk
  - C Menjamin sumber bahan mentah digunakan secara optimum
  - D Meramalkan jualan yang bakal diperoleh sesebuah perniagaan

**Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dibawah**

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 40 I Syarikat Sdn Bhd boleh memindah milik syer secara bebas
- II Syarikat Awam Bhd perlu mengumumkan laporan kewangan tahunan kepada orang ramai.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**[Lihat sebelah  
SULIT**